

# Panduan adab berbicara

*Bercakap apabila perlu, hindari menyentuh perkara tidak berfaedah*

**K**eupayaan berbicara adalah nikmat Allah yang sangat besar kepada manusia meskipun hanya dengan menggunakan dua tangan sebagai isyarat.

Firman Allah SWT: "Allah Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmat-Nya, Dialah yang telah mengajarkan al-Quran, Dialah yang telah menciptakan manusia, Dialah yang membolehkan manusia memberi dan menerima pernyataan." (Surah Ar-Rahman, ayat 1-4)

Lantaran Allah SWT menjadikan manusia amat istimewa dan berbeza dengan makhluk-Nya yang lain, maka manusialah perlu bersopan santun sewaktu bermuamalah dengan sesiapa saja, termasuklah kepada binatang dan alam.

Keistimewaan paling utama ialah Allah menciptakan akal supaya manusia berfikir, maka fikirkanlah setiap satu matlamat dan akibat atas setiap perbuatan kita dan Dia juga hadiahkan buat sementara lidah untuk berbicara, maka sampaikanlah pesanan yang tidak menyakitkan hati sesiapa.

## Adab berbicara

Berbicara sama ada secara langsung atau melalui tulisan, media cetak mahupun elektronik mempunyai tatacara dan adab tertentu. Setiap perbincangan yang keluar daripada seseorang menunjukkan apa yang ada dalam fikirannya serta tingkah lakunya.

Berbicara sesuatu yang perlu dan menghindari perbincangan yang tidak berfaedah adalah ibadah yang besar pahalanya. Sabda Rasulullah SAW: "Daripada kebaikan iman seseorang ialah meninggalkan apa yang tidak bermakna baginya." (Riwayat at-Tirmidzi)

Perkara paling utama apabila kita berbicara ialah jangan sekali-kali bercakap sesuatu yang tidak berkaitan dengan

diri kerana ia adalah bicara yang tidak perlu dan tidak akan menyelamatkan kita daripada dosa.

Malah mungkin kita dipertanggungjawabkan dengan dosa dan sumpah palsu yang dibuat kerana keseronokan mengata sesuatu yang tidak pasti tanpa bukti menyokong.

Apabila seseorang yang tidak berilmu perlu berdebat dan berbicara, jangan pula berdebat dengan orang yang sabar atau bijaksana.

Jangan pula berdebat dengan orang yang berperangai buruk atau terlalu banyak tohmah kerana mereka akan menyakitkan hati saja. Sewajarnya berdebatlah dengan orang yang bijak dan santun, manakala kita juga perlu penuhkan dada dengan ilmu dan beradab sopan.

## Ukuran pengetahuan

Tutur kata yang dikeluarkan seseorang dapat mengukur sejauh mana kemahiran, pengetahuan, buah fikiran, sopan santun, budi pekerti, pemaarah, kasar, sombong atau kerendahan hatinya. Oleh itu, sewajarnya setiap insan memelihara lidahnya dan hendaklah berbicara menurut pertimbangan akal yang waras.

Sebagai manusia, kita mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat. Walau bagaimanapun, ia mestilah tidak menimbulkan rasa marah, tidak puas hati, saling menyalahkan, menghina, memaki hamun, mencaci, mengeluarkan kata-kata kotor, mengutuk, menyumpah dan mengaibkan.

Apatah lagi menyinggung perasaan orang lain terutama saudara sesama Islam kerana ia boleh merenggangkan hubungan silaturahmi, menimbulkan rasa marah, rasa benci, permusuhan dan jika keterlaluan mungkin menimbulkan kekacauan serta perbalahan.

Abu Darda' menceritakan dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:



Program bual bicara bertujuan mengajak orang ramai berfikir. [GAMBAR HIASAN]

"Sesungguhnya orang pengutuk tidak boleh menjadi saksi dan memberi pertolongan (bagi saudara-saudaranya) pada Hari Kiamat." (Riwayat Muslim)

Daripada Jundub bin Abdullah, katanya, Rasulullah SAW bersabda: "Ada seorang lelaki berkata: Demi Allah, Allah tidak akan memberikan pengampunan kepada si polan itu. Allah lalu bersabda: Siapakah yang berani menyumpah-nyumpah atas nama-Ku bahawa Aku tidak akan mengampuni si polan itu, sesungguhnya Aku telah mengampuni orang itu dan Aku menghapuskan pahala amalanmu yakni yang bersumpah tadi." (Riwayat Muslim)

Oleh itu, bagi mengelakkan berlakunya sebarang perselisihan dan suasana tidak menyenangkan, berwaspada dan berhati-hati sebelum berkata. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang memberi peringatan dan panduan adab dalam percakapan.

Firman Allah SWT: "Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah membuat contoh ucapan yang baik (mengajak berbuat baik, menjauhi perbuatan salah)

seperti sebatang pohon yang baik (subur) akar kuat (terjunam ke dalam tanah) dan cabangnya (menjulung tinggi) ke langit. Pohon itu berbuah terus dengan izin tuhanNya. Allah menjadikan contoh-contoh itu untuk manusia supaya mereka ingat selalu. Dan contoh perkataan yang buruk (seperti memfitnah, berdusta, mengajak berbuat mungkar dan lain-lain) seperti pohon yang busuk (mati) yang tercabut akar-akarnya daripada permukaan bumi tidak tegak berdiri lagi." (Surah Ibrahim, ayat 24-26)

Justeru, nikmat kebolehan berbicara ini wajib dihargai, disyukuri dan digunakan sebaik-baiknya mengikut landasan syarak. Islam menggariskan tatacara terbaik untuk menggunakan lidah yang sentiasa mengucapkan kalimah supaya setiap butiran bicara mendapat kerediaan Allah.

**Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia.**



**NIK SALIDA SUHAILA**